

Siasatan ADUN Pengkalan Rinting selesai

JOHOR BAHRU 14 Julai - Polis Johor selesai menjalankan siasatan ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Rinting, Low Teh Hian (gambar) yang mengacukan pistol ke atas seorang lelaki yang menceroboh kediamannya di Kondominium Dwi Mahkota, Tampoi di sini 6 Julai lalu.



Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Datuk Abdul Rahim Jaafar berkata, pihaknya telah memanggil ketiga-tiga pihak iaitu Teh Hian, lelaki dan wanita terbabit.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut berhubung siasatan tersebut kerana laporan siasatan telah diserahkan kepada timbalan pendakwa raya untuk membuat keputusan.

"Laporan siasatan telah diserahkan kepada timbalan pendakwa raya. Sekarang kita tunggu keputusan timbalan pendakwa raya," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dalam kejadian itu, sekumpulan lelaki telah menceroboh masuk ke kondominium Teh Hian dengan menggunakan alat pemadam api yang terdapat di bangunan tersebut.

Teh Hian yang juga Bendahari dan Ketua Biro Pengaduan Awam MCA Johor kemudian dikatakan mengambil tindakan mempertahankan diri dengan mengacukan sepucuk pistol ke arah kumpulan lelaki terbabit.

Namun sumber lain memberitahu, punca kejadian kerana isteri salah seorang daripada lelaki yang menceroboh itu berada di kondominium tersebut ketika itu.

Walaupun Teh Hian tidak melepaskan tembakan tetapi beliau dan kumpulan penceroboh itu menyelesaikan kekecohan antara mereka dengan masing-masing membuat laporan polis di Balai Polis Tampoi pada hari tersebut.

Ekoran kejadian itu, pada 11 Julai lalu MCA telah menggantungkan keahlian Teh Hian sebagai ahli berkuat kuasa serta-merta bagi memudahkan siasatan dijalankan oleh pihak polis.

Abdul Rahim berkata, siasatan ke atas semua pihak yang terlibat dilakukan di bawah Seksyen-seksyen 323, 448, 498 dan 506 Kanun Keseksaan.